



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KURIKULUM PENDIDIKAN SEKOLAH MELAYU ERA KOLONIAL BRITISH, 1900-1957

SITI FATIMAH NUR BINTI ALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KURIKULUM PENDIDIKAN SEKOLAH MELAYU ERA KOLONIAL BRITISH, 1900 -1957

SITI FATIMAH NUR BINTI ALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MODE PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

| |
|-------------------------------------|
| <input checked="" type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada7.....(hari bulan).....⁶..... (bulan) 20.....²².....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Siti Fatimah Nur binti Ali, M20162002405, FSK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KURIKULUM PENDIDIKAN SEKOLAH MELAYU ERA KOLONIAL BRITISH, 1900-1957

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Khairi bin Ariffin (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KURIKULUM PENDIDIKAN SEKOLAH MELAYU ERA KOLONIAL BRITISH, 1900-1957

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA SEJARAH MALAYSIA (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

24/6/2022

Tarikh


PROF MADYA DR. KHAIRI BIN ARIFFIN
Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KURIKULUM PENDIDIKAN SEKOLAH MELAYU
ERA KOLONIAL BRITISH, 1900-1957

No. Matrik / Matric's No.: M20162002405

Saya / I : SITI FATIMAH NUR BINTI ALI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF MADYA DE KHAI BIN ARIFFIN

Pensyarah Kanan

Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmu / Name & Official Stamp)

Tarikh: 16/6/2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan restu-Nya penyelidikan ini dapat disiapkan. Jutaan terima kasih kepada Professor Madya Dr. Khairi bin Ariffin selaku penyelia dan pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang banyak memberikan bimbingan serta tunjuk ajar dalam menyempurnakan kajian ilmiah ini. Penghargaan juga diberikan kepada pensyarah-pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, dan Universiti Kebangsaan Malaysia atas dorongan dan bimbingan kepada penyelidik. Selain itu, penyelidik juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, dan Perpustakaan IPTA seperti perpustakaan UPSI, UKM dan UM yang banyak membantu dalam mendapatkan sumber asli dalam penyelidikan ini. Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan kepada ibu saya Meriam binti Kadir dan Allahyarham bapa saya Ali bin Awi yang telah kembali ke rahmatullah pada 9 haribulan 4 pada tahun 2021 yang telah banyak memberikan semangat dan sokongan dalam menyiapkan kajian ilmiah ini.





ABSTRAK

Kurikulum pendidikan sekolah-sekolah Melayu telah diperkembangkan menurut acuan dan pelaksanaan dasar oleh kolonial British. Sehingga Perang Dunia Kedua, kurikulum pendidikan sekolah Melayu hanya menekankan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira serta menghapuskan masalah buta huruf dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini menganalisis kurikulum pendidikan sekolah Melayu pada era kolonial British bermula pada tahun 1900 hingga 1957. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi instrumen analisis dokumen dan manuskrip yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia seperti *Colonial Office Record, Education Annual Report, Federated Malay State File, State Secretary File* dan dokumen sukanan pelajaran kolonial British. Sumber-sumber sekunder yang diperolehi dari universiti awam seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia juga turut digunakan sebagai sumber sokongan. Dapatan kajian menunjukkan kurikulum pendidikan sekolah Melayu lebih menekankan kepada kurikulum berdasarkan pertanian, pertukangan, kraftangan dan penjagaan kesihatan. Dapatan kajian juga membuktikan bahawa terdapat kurikulum yang diajar khusus kepada murid-murid perempuan di sekolah Melayu yang berasaskan sains rumah tangga seperti jahitan dan masakan. Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kurikulum pendidikan sekolah Melayu mempunyai nilai-nilai penting dalam membina perkembangan pemikiran anak-anak Melayu. Implikasi kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak berkuasa dan masyarakat dalam memahami potensi perkembangan dan memajukan pendidikan negara.





THE CURRICULUM OF MALAY SCHOOL EDUCATION DURING BRITISH COLONIAL ERA, 1900-1957

ABSTRACT

The development of educational curriculum in Malay schools were accorded to the reference and policy implementation by the British colonialist. Until the Second World War, Malay curriculum school emphasized only on 3R namely, reading, writing and arithmetic as well as eliminated illiteracy among the Malay community. Therefore, this study analysis the educational curriculum of the Malay schools during British colonial from 1900 until 1957. This study uses a qualitative method through the instruments of documents and manuscripts analysis obtained from the National Archives of Malaysia such as Colonial Office Record, Education Annual Report, Federated Malay State File, State Secretary File and British colonial syllabus documents. Secondary sources obtained at public universities such as Sultan Idris Education University, University of Malaya and The National University of Malaysia were also used as supportive sources. The findings show that Malay school curriculum emphasized more on agriculture, carpentry, handicraft and health care. The findings find that there was special curriculum taught to Malay girl students in school on science-based household such as sewing and cooking. In conclusion, this study has shown that educational curriculum in the Malay schools have important values to build up the thinking of the Malay children. The implications of this study can be used as a guide and reference to the authorities and the community in understanding the potential for development and advancing national education.





KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--|------|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | i |
| PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xv |
| SENARAI SINGKATAN | xvi |
| SENARAI LAMPIRAN | xvii |
| BAB 1 LATAR BELAKANG | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Tujuan | 4 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 4 |
| 1.4 Objektif Penyelidikan | 6 |
| 1.5 Soalan Kajian | 6 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 7 |
| 1.7 Kaedah Kajian | 8 |
| 1.8 Skop Kajian | 9 |
| 1.9 Ulasan Kajian Lepas | 10 |
| 1.10 Definisi Istilah | 37 |





| | |
|----------------------|----|
| 1.11 Pembahagian Bab | 41 |
| 1.12 Kesimpulan | 44 |

BAB 2 SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU

| | |
|--|-----|
| 2.1 Pengenalan | 45 |
| 2.2 Latar Belakang Pendidikan Orang Melayu | 47 |
| 2.2.1 Pendidikan Awal Orang Melayu | 47 |
| 2.2.2 Perkembangan Pendidikan Kolonial British di Tanah Melayu | 52 |
| 2.3 Jenis-jenis Pendidikan Sekolah Vernakular di Tanah Melayu | 54 |
| 2.3.1 Sekolah Vernakular Melayu | 55 |
| 2.3.2 Sekolah Vernakular Cina | 61 |
| 2.3.3 Sekolah Vernakular Tamil | 70 |
| 2.3.4 Sekolah Inggeris | 78 |
| 2.4 Sejarah Pendidikan Sekolah Melayu Sehingga Merdeka | 88 |
| 2.5 Pendidikan Sekolah Melayu pada tahun 1900 sehingga 1957 | 98 |
| 2.6 Kesimpulan | 104 |



BAB 3 KURIKULUM PENDIDIKAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU SEBELUM DAN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

| | |
|--|-----|
| 3.1 Pengenalan | 105 |
| 3.2 Sukatan Pelajaran | 107 |
| 3.3 Pengajaran dan Pembelajaran | 159 |
| 3.3.1 Pembelajaran dan Pengajaran dalam Bilik Darjah | 160 |





| | |
|---|-----|
| 3.3.2 Pembelajaran dan Pengajaran Luar Bilik Darjah | 163 |
| 3.4 Alat Bantu Mengajar | 165 |
| 3.5 Guru-guru Pendidikan Sekolah Melayu | 171 |
| 3.6 Latihan Perguruan | 176 |
| 3.7 Buku Teks Sekolah Melayu | 189 |
| 3.8 Kesimpulan | 196 |
| | |
| BAB 4 PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN POLISI DAN PENYATA PELAJARAN | |
| 4.1 Pengenalan | 197 |
| 4.2 Polisi Pendidikan 1932 (<i>Educational Policy 1932</i>) | 200 |
| 4.3 Dasar Pendidikan Malayan Union (<i>Educational Policy Malayan Union</i>) | 209 |
| 4.4 Penyata Barnes (<i>Barnes Report</i>) | 216 |
| 4.5 Penyata Fern-Wu (<i>Fern-Wu Report</i>) | 223 |
| 4.6 Ordinan Pelajaran 1952 | 229 |
| 4.7 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Laporan Razak) | 235 |
| 4.8 Kesimpulan | 243 |
| | |
| BAB 5 KESAN DAN KEPENTINGAN KURIKULUM PENDIDIKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA SEHINGGA MERDEKA | |
| 5.1 Pengenalan | 244 |
| 5.2 Sambutan dan Kesedaran Masyarakat Melayu | 246 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

| | |
|---------------------------------------|-----|
| 5.3 Pertambahan Pelajar | 255 |
| 5.4 Pencapaian Pelajar | 265 |
| 5.5 Kedudukan Bahasa Melayu | 281 |
| 5.6 Pembukaan Pusat Latihan Perguruan | 284 |
| 5.7 Kesimpulan | 290 |
| BAB 6 RUMUSAN | 291 |
| RUJUKAN | 299 |
| LAMPIRAN | |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka Surat |
|--|------------|
| 2.1 Jumlah Kemasukan Murid ke Sekolah Melayu Tahun 1941 hingga 1950 | 57 |
| 2.2 Jumlah Kemasukan Murid Bagi Darjah IV hingga VI Ke Sekolah Melayu Sejak 1946 | 58 |
| 2.3 Peratusan Kemasukan Murid Bagi Darjah IV hingga VI Ke Sekolah Melayu Tahun 1946 hingga 1949 | 60 |
| 2.4 Peperiksaan Darjah I dan Darjah II Sekolah Vernakular Cina Tahun 1913 | 64 |
| 2.5 Peperiksaan Darjah III dan Darjah IV Sekolah Vernakular Cina Tahun 1913 | 65 |
| 2.6 Peperiksaan Darjah V dan Darjah VI Sekolah Vernakular Cina Tahun 1913 | 66 |
| 2.7 Jadual waktu bagi sekolah Cina selepas Perang Dunia Kedua sehingga pada tahun 1950 | 68 |
| 2.8 Sukatan pelajaran Sekolah Vernakular Tamil pada tahun 1936 | 71 |
| 2.9 Peperiksaan Darjah I dan Darjah II Sekolah Vernakular Tamil Tahun 1913 | 73 |
| 2.10 Peperiksaan Darjah III dan Darjah IV Sekolah Vernakular Tamil Tahun 1913 | 74 |
| 2.11 Peperiksaan Darjah V Sekolah Vernakular Tamil Tahun 1913 | 77 |
| 2.12 Kurikulum Sekolah Rendah Inggeris Darjah I dan II Tahun 1930 | 80 |





| No. Jadual | Muka Surat |
|------------|------------|
|------------|------------|

| | |
|---|----|
| 2.13 Kurikulum Sekolah Rendah Inggeris Darjah III dan IV Tahun 1930 | 82 |
| 2.14 Kurikulum Sekolah Rendah Inggeris Darjah V dan VI Tahun 1930 | 84 |
| 2.15 Kurikulum Sekolah Rendah Inggeris Darjah VII Tahun 1930 | 87 |
| 2.16 Kurikulum Sekolah Melayu Tahun 1930an | 90 |
| 2.17 Jadual Waktu Mengajar sekolah Melayu di Selangor tahun 1892 | 92 |
| 2.18 Sukatan Pelajaran Sekolah Melayu di Selangor pada tahun 1893 | 93 |
| 2.19 Subjek Anyaman bagi sekolah Melayu Perempuan tahun 1936 | 97 |



| | |
|--|-----|
| 2.20 Sukatan Pelajaran Sekolah Melayu Darjah I dan II Tahun 1913 | 101 |
| 2.21 Sukatan Pelajaran Sekolah Melayu Darjah III dan IV Tahun 1913 | 103 |
| 2.22 Sukatan Pelajaran Sekolah Melayu Darjah V Tahun 1913 | 107 |
| 3.1 Sukatan Pelajaran Darjah I di Sekolah Melayu | 116 |
| 3.2 Sukatan Pelajaran Darjah II di Sekolah Melayu | 126 |
| 3.3 Sukatan Pelajaran Darjah III di Sekolah Melayu | 140 |
| 3.4 Sukatan Pelajaran Darjah IV di Sekolah Melayu | 149 |
| 3.5 Sukatan Pelajaran Darjah V di Sekolah Melayu | 166 |
| 3.6 Perkakas Perkebunan | 168 |
| 3.7 Peralatan Kerja Jahitan Bagi Sekolah Melayu Perempuan Tahun 1927 | |





| No. Jadual | Muka Surat |
|-------------------|-------------------|
|-------------------|-------------------|

| | |
|---|-----|
| 3.8 Peralatan Subjek Melukis Bagi Sekolah Melayu Sehingga Tahun 1927 | 170 |
| 3.9 Jumlah guru di sekolah Melayu tahun 1925 | 172 |
| 3.10 Syarat Kemasukan ke SITC, Tahun 1927 | 177 |
| 3.11 Ujian Kemasukan Pelajar ke Sultan Idris Training College 1927 | 178 |
| 3.12 Sukatan Pelajaran Sultan Idris Training College bagi Subjek Bahasa Melayu, Kesusasteraan dan Sejarah | 180 |
| 3.13 Sukatan Pelajaran Sultan Idris Training College bagi Subjek Ilmu Kira-kira | 182 |
| 3.14 Sukatan Pelajaran Sultan Idris Training College bagi Subjek Geografi | 183 |
| 3.15 Sukatan Pelajaran Sultan Idris Training College bagi Subjek Menulis dan Melukis | 185 |
| 3.16 Sukatan Pelajaran Sultan Idris Training College Bagi Subjek Kebersihan | 186 |
| 3.17 Sukatan Pelajaran Sultan Idris Training College bagi Subjek Berkebun dan Penternakan Luar Bandar | 187 |
| 4.1 Kadar Yuran Sekolah Inggeris | 202 |
| 4.2 Corak Pembelajaran Bahasa yang Dicadangkan oleh Laporan Fenn-Wu | 228 |
| 4.3 Cadangan Sukatan Pelajaran bagi subjek Sejarah Di Sekolah Kebangsaan | 232 |
| 5.1 Bilangan Kemasukan Murid-murid yang Mendaftarkan Diri di Sekolah Melayu Selepas Perang Dunia Kedua | 249 |





| No. Jadual | Muka Surat |
|--|-------------------|
| 5.2 Senarai Nama Murid Perempuan Diterima Masuk ke Special Malay Class I di French Convent School pada Tahun 1951 | 254 |
| 5.3 Kemasukan dan Kehadiran Murid Lelaki serta Perempuan ke Sekolah Melayu di Negeri-Segeri Selat pada Tahun 1886 dan 1887 | 257 |
| 5.4 Jumlah Kemasukan Murid ke Sekolah Melayu Sebelum Perang | 258 |
| 5.5 Jumlah Kemasukan Murid ke Sekolah Melayu Selepas Perang | 261 |
| 5.6 Senarai Murid Yang Dipilih Bagi Melanjutkan Pelajaran Ke Victoria Institution, Tahun 1897 | 266 |
| 5.7 Senarai Nama Murid Yang Mendaftarkan Diri ke Sekolah Inggeris di Melaka pada Tahun 1950 | 268 |
| 5.8 Senarai Nama Murid Perempuan Diterima Masuk ke Kelas Special Malay I, The French Convent pada Tahun 1950 | 271 |
| 5.9 Markah Peperiksaan Kemasukan M.W.T.C, April 1952 | 274 |
| 5.10 Senarai Sekolah Vernakular Melayu Lelaki di Selangor yang Menyertai Pameran Malaya Borneo di Singapura, Tahun 1922 | 276 |
| 5.11 Senarai Sekolah Vernakular Melayu Perempuan di Selangor yang Menyertai Pameran Malaya Borneo di Singapura, Tahun 1922 | 277 |
| 5.12 Daftar Barang Pertukangan dan Lukisan Sekolah Melayu di Negeri Sembilan, Tahun 1955 | 279 |
| 5.13 Senarai Nama Pelajar yang Berjaya Menamatkan Latihan di Malay Women's Training College | 285 |





SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka Surat |
|---|------------|
| 4.1 Struktur Pendidikan Sekolah Melayu Sebelum Perang | 204 |
| 4.2 Struktur Pendidikan Sekolah Melayu Sebelum Perang | 206 |
| 4.3 Cadangan Penamaan Pendidikan Rendah di Sekolah Melayu | 212 |





SENARAI SINGKATAN

3M Mengira, membaca dan menulis

3R Arimethic, reading and writing

ANM Arkib Negara Malaysia

FMS Federated Malay States

MCKK Malay College Kuala Kangsar

PNM Perpustakaan Negara

S.S Straits Settlements

SITC Sultan Idris Training College

U.M.S Unfederated Malay States

UKM Universiti Kebangsaan Malaysia

UM Universiti Malaya

UMNO The United Malays National Organisation

UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI LAMPIRAN

- A Rancangan Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu
- B Rancangan Hala Tuju Murid-murid di Persekutuan Tanah Melayu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

LATAR BELAKANG



1.1 Pengenalan

Matlamat pendidikan pada umumnya amat berbeza mengikut peredaran zaman. Perbezaan yang telah dialami tidak dapat dielakkan lagi kerana pada setiap zaman melambangkan kehendak yang berbeza mengikut tumpuk pemerintahan serta masyarakat pada masa itu. Sebelum Tanah Melayu mengalami kemerdekaan, setiap penjajah iaitu Portugis, Belanda, British serta Jepun mempunyai matlamat pendidikan yang tersendiri bagi mengekalkan status *quonya*.¹

¹ Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 9.





Selepas Perang Dunia Kedua, pihak British telah menubuhkan satu dasar iaitu *Malayan Union* yang ditubuhkan pada 1 April 1946 di King House, Kuala Lumpur. *Malayan Union* dirangka bertujuan untuk melicinkan dasar pentadbiran British di Tanah Melayu di samping mencantumkan pentadbiran sedia ada. Penubuhan *Malayan Union* juga bertujuan untuk menguasai kepentingan ekonomi seperti tanaman getah dan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu,² secara tidak langsung wujudnya vernakularisme dalam sistem pendidikan pada zaman pemerintahan British.³

Semasa penjajahan pihak British di Tanah Melayu, kewujudan masyarakat majmuk telah terbentuk akibat kemasukan kaum Cina dan India oleh pihak British. Kesan pembentukan masyarakat majmuk menyebabkan munculnya sistem persekolahan majmuk. Di Tanah Melayu, telah wujudnya empat jenis sekolah iaitu sekolah Inggeris, sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina dan Tamil. Dasar *laissez-faire*⁴ telah dilaksanakan oleh British terhadap kaum pendatang di Tanah Melayu semasa pemerintahan mereka. Dasar *laissez-faire* menyebabkan golongan pendatang sendiri akan membina sekolah-sekolah dengan hala tuju mereka sendiri tanpa campur tangan pihak kerajaan. Bagi orang Melayu, British telah mengamalkan dasar *dualism*, iaitu pembahagian mengikut elit dan biasa.⁵ Pentadbiran kolonial British memperkenalkan pendidikan moden tetapi dianggap 'bersifat diskriminasi dan berbaur

² Vidhu Verma. (2002). *Malaysia, State and Civil Society in Transition*. London: Lynne Rienner Publishers. 28-29.

³ Lihat Sufean Hussin. (2008). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5.

⁴ Lihat Kamus Dewan Edisi Keempat, *laissez-faire* atau (*lés se fér*) (Perancis) doktrin kebebasan penuh dalam perdagangan, tanpa campur tangan kerajaan. 869.

⁵ Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 11.





perkauman'.⁶ Pelaksanaan dasar pentadbiran kolonial British di Tanah Melayu seiring dengan matlamat mereka yang mahu mengekalkan kepentingan dan kuasa.

Matlamat utama pendidikan yang ingin diperkenalkan oleh pihak British adalah memberikan pendidikan yang minimum, iaitu memastikan pembasmian golongan buta huruf, memastikan orang Melayu terus menjadi golongan petani dan nelayan, dan memastikan mereka menetap di luar bandar iaitu kampung. Pihak British mahu mengehadkan bilangan kemasukan orang Melayu ke peringkat pendidikan tinggi kerana mereka mahu orang Melayu memegang jawatan yang rendah dalam kerajaan seperti kerani, buruh, posmen atau peon.⁷ Oleh itu, ramai dalam kalangan orang Melayu yang telah tamat persekolahan pada peringkat sekolah rendah tiada lagi keinginan untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Tambahan lagi, pihak British bimbang berlakunya pemberontakan penduduk tempatan terhadap penjajah seperti yang berlaku di India, jika diberikan pendidikan yang tinggi kepada penduduk di Tanah Melayu.⁸

⁶ Lihat Tan Yao Sua. (2008). *Isu Bahasa, Etnik dan Pembinaan Negara Bangsa dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Bab 2.

⁷ Nagendralingam Ratnavadivel. (2007). *The Social Origins of the Educational System in Peninsular Malaysia*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm. 32-33.

⁸ Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya. (1982). *A History of Malaysia*. London. 222-235.





1.2 Tujuan

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji sejarah perkembangan kurikulum pendidikan di sekolah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Penyelidikan ini akan dapat mengenalpasti peranan serta kesan kurikulum pendidikan itu sendiri terhadap sekolah-sekolah Melayu sebelum serta selepas Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu. Tambahan lagi, dasar pelaksanaan yang dilaksanakan ke atas pendidikan sekolah Melayu turut diteliti adakah memberi kesan terhadap orang Melayu sahaja ataupun turut melibatkan kaum lain seperti Cina dan India.



Dasar dan perancangan kurikulum dalam sistem pendidikan sekolah Melayu di Tanah Melayu telah disusun semula oleh pihak British. Sebelum Perang Dunia Kedua, kurikulum pendidikan sekolah Melayu dilihat mengalami banyak kelemahan kerana hanya memberi penekanan terhadap 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) semata-mata.⁹ Tahap pendidikan orang Melayu pula berada pada peringkat rendah iaitu setakat Darjah IV.¹⁰

⁹ Winifred B. Fred Chamber. (2012). Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar dipetik daripada Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Ismail Ali. Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu pada Zaman Kolonial British sehingga Perang Dunia Kedua. *MANU Bil. 18*. 4-5.

¹⁰ Awang Had Salleh. (1985). *Pendidikan dalam Pemikiran Awang Had Salleh*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 51.





Penyusunan semula kurikulum pendidikan yang terhenti semasa Perang Dunia Kedua, telah dilaksanakan semula oleh pihak British selepas mengambil alih kembali Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, kurikulum yang disusun oleh pihak British hanya mengalami sedikit perubahan dengan melaksanakan beberapa subjek tambahan seperti Berkebun dan Kerja Tangan. Melihat pada kurikulum yang terlaksana dalam pendidikan era pentadbiran British dapat disimpulkan bahawa pihak British menawarkan kurikulum yang minimum dan mempunyai skop mobiliti sosial terhad. Pihak British seolah-olah menjadikan masyarakat Melayu kekal dalam lingkungan kehidupan kampung yang jauh daripada aktiviti ekonomi serta pendidikan moden.¹¹

Sistem pendidikan sekolah Melayu pada selepas perang dunia kedua pula masih mewarisi corak pendidikan lama British tanpa mengalami perubahan berbanding pendidikan sekolah Inggeris dan Cina iaitu lebih mengutamakan membaca, menulis, ilmu hisab serta hikayat dunia atau geografi.¹² Orang-orang Melayu mula sedar akan kepentingan pendidikan moden dan sekular dalam mengubah kedudukan ekonomi, politik serta sosial mereka kerana wujudnya persaingan akibat kependudukan orang Cina dan India serta keinginan mereka bermaustautin di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.¹³ Golongan Melayu terutamanya dalam kalangan golongan pendidik telah mendesak pihak British memperbaiki dasar pendidikan di sekolah Melayu dan

¹¹ Lihat Haris Md. Jadi. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. 11-12.

¹² Ibid. 18.

¹³ Lihat Sufean Hussin. (2008). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 23.





memperluaskan lagi peluang pendidikan untuk kanak-kanak Melayu supaya tidak ketinggalan berbanding kaum yang lain.¹⁴

1.4 Objektif

- 1.4.1 Mengkaji sejarah perkembangan pendidikan sekolah-sekolah Melayu.
- 1.4.2 Menghuraikan perkembangan kurikulum pendidikan sekolah-sekolah Melayu pada era kolonial British.
- 1.4.3 Menilai perkembangan kurikulum pendidikan sekolah-sekolah Melayu sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.
- 1.4.4 Menganalisis pelaksanaan dasar kolonial British terhadap kurikulum pendidikan sekolah Melayu.



1.5 Soalan Kajian

- 1.5.1 Apakah sejarah perkembangan pendidikan sekolah-sekolah Melayu?
- 1.5.2 Sejauhmanakah perkembangan kurikulum Pendidikan sekolah Melayu pada era kolonial British?
- 1.5.3 Sejauhmanakah perkembangan kurikulum Pendidikan sekolah Melayu pada sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua?

¹⁴ Hasnah Husin. (2009). *Guru-Guru Melayu: Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 78-79.





1.5.4 Bagaimanakah pelaksanaan dasar kolonial British terhadap kurikulum pendidikan sekolah Melayu?

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat banyak kajian tentang perkembangan kurikulum di Tanah Melayu semasa zaman pemerintahan kolonial yang telah dibukukan, tetapi tempoh masa serta sejarah perkembangan kurikulum yang dikaji sangat umum. Oleh itu, kajian ini penting bagi golongan penyelidik yang lain kerana kajian ini hanya menumpukan pada dua tempoh penjajahan pihak British iaitu sebelum Perang Dunia Kedua dan selepas Perang Dunia Kedua sehingga Tanah Melayu mengecapi kemerdekaan. Dua tempoh penjajahan

British ini boleh dijadikan penilaian adakah pendidikan orang Melayu mengalami sebarang perubahan atau tidak. Melalui kajian ini, dapat memberikan gambaran awal pendidikan orang Melayu kepada pelbagai lapisan masyarakat tidak kira kepada pelajar, penyelidik maupun masyarakat.

Tambahan lagi, sejarah perkembangan sekolah-sekolah Melayu sebelum negara mengecapi kemerdekaan turut dijelaskan bagi membolehkan pelajar atau penyelidik memahami lebih mendalam perjalanan hidup masyarakat Melayu pada zaman sebelum merdeka dalam memperjuangkan nasib-nasib orang Melayu di tanah air sendiri. Selain itu, kajian ini juga penting dalam menyumbang pengetahuan yang baharu kepada generasi akan datang seperti menjadi sumber rujukan atau pensejarahan bagi sesuatu kajian yang dijalankan, hal ini akan menyumbang kepada dapatan kajian penyelidik





semasa mendapatkan bahan atau data untuk penulisan penyelidik terutamanya dari sumber sekunder yang telah diperolehi.

1.7 Kaedah Kajian

Melalui kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif¹⁵. Penggunaan kaedah kualitatif ini menekankan kajian yang menganalisis dokumen atau manuskrip yang diperoleh daripada sumber-sumber sejarah yang bersifat primer. Sumber primer tersebut adalah seperti rekod kerajaan, laporan tahunan, dokumen rasmi, minit mesyuarat, dan fail kerajaan yang berkaitan dengan pendidikan Sekolah Melayu seperti *Annual Report Federal Malay State* yang tersimpan di Jabatan Arkib Negara Malaysia

serta di Arkib Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).ptbupsi

Bagi mendapatkan sumber sekunder, penyelidik telah melakukan pengumpulan bahan di setiap perpustakaan universiti awam seperti Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Induk Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Jabatan Arkib Negara Malaysia (ANM), dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bagi menjadikan hasil penyelidikan ini lebih menarik dan berkualiti, penyelidik menggunakan beberapa kaedah penulisan. Kaedah naratif¹⁶ digunakan untuk

¹⁵Pendekatan kualitatif merupakan pendekatan penulisan yang menerangkan lebih lanjut daripada hanya mendedahkan sesuatu objek. Lihat Bilcher Bala. (2000). *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 112.

¹⁶Kaedah penulisan naratif merupakan satu kaedah yang lebih menjurus kepada penceritaan dan kaedah ini menggunakan kronologi dalam menceritakan semula peristiwa yang berlaku. Kaedah ini memerlukan





menceritakan secara sistematik mengenai perkembangan kurikulum sekolah Melayu selepas Perang Dunia Kedua sehingga merdeka iaitu 1946 hingga 1957. Kaedah penulisan berbentuk deskriptif¹⁷ juga digunakan dalam penulisan ini. Kaedah ini penting untuk menghuraikan maklumat dengan lebih terperinci. Seterusnya, kaedah penulisan berbentuk analisis¹⁸ turut digunakan dalam penulisan ini kerana kaedah ini penting untuk menjawab beberapa persoalan penting, menilai dan meneliti kesan perkembangan sekolah Melayu terhadap golongan Melayu itu sendiri.

1.8 Skop Kajian

Tempoh masa kajian ini diambil adalah dari tahun 1900 hingga 1957. Bagi pemilihan

penubuhan sekolah Melayu di Tanah Melayu. Penyelidikan ini hendak meneliti perkembangan dan ciri-ciri pendidikan sekolah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Tambahan lagi, tempoh kajian selepas perang iaitu bermula 1946 sehingga 1957 turut dimasukkan dalam kajian kerana hendak meneliti adakah berlaku perubahan dari segi pelaksanaan dasar British terhadap pendidikan sekolah Melayu.

seseorang penulis untuk mengingat kembali peristiwa yang berlaku dan menceritakannya semula agar lebih kemas dan tersusun. Penulisan berbentuk naratif ini sangat sesuai untuk jenis penulisan seperti biografi, novel, cerita pendek, autobiografi dan sebagainya. Lihat, Bilcher Bala. *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. 111.

¹⁷ Ibid. 110. Penulisan kaedah bentuk deskriptif lebih menitikberatkan penghuraian yang terperinci. Deskriptif membawa maksud penerangan yang melibatkan lebih jauh daripada hanya memberitahu tentang sesuatu subjek. Kaedah ini dapat membantu memaparkan atau mendedahkan sesuatu perkara agar menjadi lebih mudah untuk difahami. Lihat, Bilcher Bala dalam *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. 112.

¹⁸ Kaedah penulisan berbentuk analisis atau analitikal ini dapat memberikan gambaran yang lebih kritis dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah. Dengan menggunakan kaedah ini, penyelidik berupaya untuk mengupas sesuatu peristiwa dengan berdasarkan sumber yang ada. Selain itu, segala jenis persoalan seperti mengapa, bila, bagaiman dan siapa dapat dijawab dengan jelas.





Selain itu, skop kajian masa yang bermula pada 1946 itu juga merupakan era permulaan pentadbiran British yang berkuatkuasa sepenuhnya atas Tanah Melayu setelah mengambil alih tampuk pemerintahan dari Jepun selepas Perang Dunia Kedua sehingga Tanah Melayu mengecapi kemerdekaan pada tahun 1957. Bagi lokasi penyelidikan, menumpukan kawasan negeri-negeri Melayu Bersekutu, negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu serta Negeri-negeri Selat, dalam erti kata lain negeri yang terdapat di Tanah Melayu di bawah pengaruh British. Hal ini disebabkan sekolah Melayu tidak ditubuhkan di satu tempat sahaja. Pihak British menujuhkan sekolah Melayu di seluruh Tanah Melayu demi melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.



Hasil tinjauan yang telah dilakukan, terdapat kajian mengenai perkembangan kurikulum di Tanah Melayu yang membantu sedikit sebanyak kehidupan masyarakat Melayu dalam membasmikan golongan buta huruf semasa zaman kolonial British,¹⁹ antara kajian yang mempunyai hubungan kait dengan penyelidikan ini adalah Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua, oleh Khairi Ariffin et.al. Kajian tersebut merupakan sebuah penulisan merangkumi pelajaran vernakular yang telah diperkenalkan oleh kolonial British terhadap orang Melayu sehingga Perang Dunia Kedua. Melalui kajian ini, pengkaji telah menerangkan kurikulum yang terdapat di sekolah vernakular Melayu

¹⁹ Lihat Khairi Ariffin, Ramli Saadon dan Ismail Ali. (2012). Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua. *MANU* Bil. 18. 1.





semasa zaman kolonial yang meliputi pelajaran apa yang telah diajar, peruntukkan waktu belajar di sekolah, serta aplikasi dan pelaksanaan kurikulum pendidikan Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dan juga menyentuh serba sedikit mengenai kurikulum sekolah Melayu selepas perang.

Penulisan tersebut amat menepati ciri-ciri kehendak kajian penyelidik iaitu berkait rapat dengan kurikulum sekolah Melayu sebelum serta selepas Perang Dunia Kedua. Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa kajian Khairi Ariffin et.al. menerangkan tentang isi atau mata pelajaran keseluruhan kurikulum yang diterapkan oleh pihak British sebelum Perang Dunia Kedua, serta selepas Perang Dunia Kedua apabila British mengambil alih tampuk pemerintahan Jepun di Tanah Melayu.²⁰ Salah satu hasil kajian Khairi Ariffin et. al. mendapati kurikulum yang telah disediakan oleh sekolah-sekolah Melayu jelas menunjukkan bahawa tidak banyak ilmu pengetahuan baharu yang diajarkan kepada murid-murid, hal ini dapat kita lihat bahawa subjek bacaan, ejaan, tulisan, kira-kira perkakas, dan kira-kira tulis bagi darjah I.²¹ Corak kurikulum yang tersebut bersesuaian dengan dasar British yang mahukan anak-anak Melayu mempunyai pengetahuan yang lebih berbanding ibu bapa mereka dan membolehkan mereka kembali ke kampung untuk meneruskan kehidupan tradisi.²²

Melalui kajian tersebut juga, kurikulum yang telah diperkenalkan oleh pihak British hanya menekankan asas membaca, mengira serta menulis dalam kurikulum sekolah Melayu, ianya dapat dilihat melalui kandungan kurikulum yang diajar kepada darjah satu meliputi subjek bacaan, ejaan, tulisan, kira-kira perkakas dan kira-kira tulis

²⁰ Ibid. 19-25.

²¹ Ibid. 4.

²² Ibid. 5.





serta beberapa subjek vokasional yang lain seperti bertukang dan pertanian.²³ Dapatan kajian oleh Khairi Ariffin et. al. tersebut mempunyai persamaan dengan kajian Sufean Hussin iaitu kurikulum di sekolah Melayu ketika itu hanya memberi penekanan terhadap asas membaca, mengira dan menulis demi melahirkan orang Melayu yang celik huruf pada tahap yang minimum.

Kajian Sufean Hussin²⁴ menunjukkan bahawa pendidikan sekular yang diperkenalkan pada awalnya mendapat tentangan oleh orang Melayu kerana mereka menganggap ianya bertentangan dengan ajaran Islam serta memandangkan pendidikan tradisional iaitu pendidikan keagamaan masih kuat bertapak dalam jiwa orang Melayu. Oleh itu, demi menarik minat dan kepercayaan orang Melayu dalam pendidikan, A.M. Skinner telah mengemukakan rancangan persekolahan dua sesi iaitu sesi pagi dan juga sesi petang. Pada sesi pagi, murid-murid akan diajar mengenai subjek Bahasa Melayu dalam tulisan Jawi, Matematik, Sejarah, Ilmu Alam dan beberapa mata pelajaran vokasional iaitu pertanian dan bertukang, manakala pada waktu petang pula, mereka akan mengikuti pelajaran Arab dan al-Quran.²⁵

Jika diperhatikan melalui kajian Khairi Ariffin et. al. dengan Sufean Hussin, peristiwa Perang Dunia Kedua yang berlaku atas Tanah Melayu akibat kemasukan Jepun Ke Tanah Melayu tidak memberikan kesan atas kurikulum pendidikan sekolah Melayu pada masa tersebut kerana kurikulum yang dilaksana masih lagi mengamalkan corak pendidikan lama British tanpa mengalami sebarang perubahan berbanding

²³ Ibid. 4-7.

²⁴ Sufean Hussin. (2008). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 11-12.

²⁵Ibid. 12.





pendidikan sekolah Inggeris dan Cina.²⁶ Kedua-dua kajian tersebut iaitu kajian Khairi Ariffin et. al. serta Sufean Hussin sedikit sebanyak menyumbang kepada kajian penyelidik walaupun tidak menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kurikulum tidak kira sebelum serta selepas Perang Dunia Kedua.

Setelah berlakunya perlaksanaan Perlembagaan Malayan Union selepas Perang Dunia Kedua, secara tidak langsung menyumbang kepada kerenggangan hubungan etnik seperti menjadi tidak harmoni dan juga melahirkan politik secara perkauman. Hal ini dibincangkan melalui penulisan Kassim Thukiman et. al. dalam buku yang bertajuk Hubungan Etnik di Malaysia: Perspektif, Teori dan Praktik. Hasil penulisan pengkaji menerangkan mengenai dasar pentadbiran yang telah dilaksanakan oleh Jepun serta kewujudan masalah perkauman antara kaum yang semakin kuat menyebabkan berlakunya konflik antara orang Melayu dan Cina pada tahun 1945, dan meninggalkan kesan mendalam akibat berlakunya konflik tersebut.²⁷

Hal ini memungkinkan usaha-usaha pihak British dalam mewujudkan perpaduan serta keharmonian kaum menerusi sistem pendidikan. Pihak British telah mewujudkan dasar pecah dan perintah yang menyebabkan kumpulan-kumpulan etnik terbesar iaitu Melayu, Cina dan India dipisahkan mengikut tempat tinggal dan pekerjaan masing-masing. Akibat dasar pecah dan perintah yang telah dilaksanakan oleh pihak British adalah wujudnya kepelbagaian sekolah mengikut jenis kaum dan tempat tinggal. Ia dapat disimpulkan bahawa bagi orang Melayu, terdapat dua jenis

²⁶ Ibid. 13-19. Lihat juga Khairi Ariffin, Ramli Saadon dan Ismail Ali dalam Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua, 19-24.

²⁷ Kassim Thukiman dan Zaliza Mohd. Nasir. (2009). *Hubungan Etnik di Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*, Johor: UTM Press. 155.





sistem pendidikan yang dibenarkan oleh pihak British iaitu sekolah sekular Melayu atau lebih dikenali aliran Inggeris yang mengutamakan golongan atasan, dan sekolah Melayu aliran agama berbentuk pendidikan asas yang hanya dibuka kepada golongan bawahan.²⁸

Jika melihat pada hasil penulisan Kassim Thukiman et. al. di atas, penulis bukan sahaja menumpukan perkembangan pendidikan bagi golongan Melayu, bahkan golongan bukan Melayu seperti Cina dan India serta perkembangan pendidikan sekolah Inggeris. Kajian tersebut juga tidak menerangkan secara lebih terperinci mengenai perkembangan sekolah Melayu pada selepas Perang Dunia Kedua, tidak seperti kajian Khairi Ariffin et. al. dan Sufean Hussin, kerana penulisan pengkaji hanya menerangkan secara umum mengenai perkembangan sekolah-sekolah Melayu.



Terdapat satu jolokan nama yang diberikan kepada sekolah-sekolah vernakular Melayu iaitu sekolah atap. Jolokan ini diambil sempena ciri aspek fizikal bangunan sekolah tersebut dan mencerminkan tahap kualiti pendidikan yang terdapat di bawah bumbungnya. Jika merujuk pada kajian Abdul Hadi Ismail yang berjudul Winstedt dan Pendidikan Orang Melayu, sekolah vernakular Melayu atau sekolah atap ini memberi peluang kepada golongan orang Melayu belajar selama empat tahun sahaja. Melalui penulisan tersebut, ianya menerangkan dari segi aspek kurikulum yang diambil kira untuk mengajar kanak-kanak Melayu seperti menulis dan membaca pada tahap paling asasi sahaja yang menggunakan tulisan Jawi serta Rumi. Selain itu, kanak-kanak Melayu juga diajar cara-cara mengira, asas geografi, melukis dan berkebun, bagi kanak-

²⁸Ibid. 160.





kanak perempuan pula, mereka akan diajar mengenai asas dalam penjahitan serta memasak.²⁹

Menurut pengkaji, penerapan kurikulum dalam diri kanak-kanak Melayu pada masa itu akan melahirkan masyarakat yang hanya mahir sebagai nelayan serta petani dan hanya kerani kerajaan, sesuai dengan hasrat pihak British pada masa itu yang mahu mewujudkan masyarakat yang mudah diperintah, rajin, hormat, bertanggungjawab serta tidak mempunyai apa-apa keinginan dalam mengubah corak hidup tradisional mereka yang selama ini diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain.³⁰

Selain itu, kajian Abdul Hadi Ismail tersebut menumpukan kepada peranan Winstedt semata-mata dalam mengembangkan tahap pendidikan orang Melayu sebelum Perang Dunia Kedua serta tidak menerangkan dengan lebih mendalam mengenai sekolah Melayu selepas Perang Dunia Kedua seperti kajian yang dilakukan oleh penyelidik dan ia hanya menyentuh secara umum mengenai sekolah vernakular Melayu kerana penulisan tersebut memberi tumpuan terhadap pendidikan orang Melayu selepas tamat di peringkat sekolah vernakular Melayu iaitu penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris.³¹

Pada zaman penjajahan British, dasar pendidikan terutamanya dalam sistem persekolahan tidak menghasilkan perkembangan yang positif, terutamanya dari segi perpaduan dan pelaksanaannya yang mempunyai banyak kelemahan, hal ini kerana

²⁹ Abdul Hadi Ismail. (1994). Winstedt dan Pendidikan Orang Melayu. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*. USM, V.13, 9.

³⁰ Ibid. 9.

³¹ Ibid. 4.





pihak British hanya mementingkan keuntungan ekonomi semata-mata serta kedudukan sendiri.³² Ini dapat dilihat menerusi penulisan Mior Khairul Azrin yang bertajuk Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. Penyataan beliau dalam artikel tersebut menyamai penerangan kajian sebelum ini iaitu mengenai kewujudan sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil yang telah ditubuhkan oleh pihak British. Kewujudan sekolah vernakular tersebut menyebabkan hubungan antara masyarakat Melayu, Cina dan India menjadi renggang akibat dipisahkan mengikut sistem persekolahan masing-masing.³³

Kajian tersebut telah menyentuh secara umum mengenai latar belakang pendidikan di Tanah Melayu semasa awal kemasukan Pihak British serta semasa pemerintahan kuasa asing tersebut, misalnya pada ketika itu pihak British tidak memainkan peranan secara adil, hal ini dapat dilihat melalui layanan yang diberikan tidak setaraf kepada semua bangsa, misalnya, sekolah vernakular bagi orang Melayu dan Tamil hanya pada tahap sekolah rendah sahaja. Jika dilihat pada sekolah vernakular Cina pula, mereka mendapat keistimewaan melalui sekolah rendah (6 tahun), *junior middle* (3 tahun), dan *senior middle* (3 tahun). Bagi sekolah Melayu, kelulusan hanya untuk memenuhi keperluan tenaga manusia yang paling rendah. Kajian Mior Khairul juga menerangkan keadaan pendidikan di Tanah Melayu selepas perang Dunia Kedua dengan menerangkan dasar pendidikan secara umum selepas penubuhan Malayan Union tidak dapat dilaksana seperti Laporan Razak, Laporan Barnes, Laporan Fenn-Wu 1951, Ordinan Pelajaran 1952. Selain itu, penulisan tersebut memberi tumpuan

³² Mior Khairul Azrin. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *SOSIOHUMANIKA*, 4(1), 33.

³³Ibid. 35.

³³ Ibid. 36.





pada pendidikan selepas merdeka iaitu hala tuju sistem pendidikan kearah perpaduan nasional seperti peranan penubuhan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memajukan pendidikan di Malaysia.³⁴

Terdapat juga kajian dari negara jiran iaitu Indonesia mengenai perkembangan pendidikan di negara ini, iaitu Policy Pengembangan Pendidikan Tinggi Islam: Kajian Sistem Pendidikan Negara Malaysia yang ditulis oleh Robiatur Rohmah et. al., Penulisan tersebut telah membincangkan mengenai sejarah sistem pendidikan Malaysia yang merangkumi tiga fasa perkembangan pendidikan antaranya sebelum kedatangan pihak Inggeris (1400-1786) serta semasa pemerintahannya (1786-1956), dan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan (1957 hingga sekarang).³⁵

Penulisan tersebut juga telah menerangkan mengenai tidak formal orang Melayu sebelum kedatangan pihak luar ke Tanah Melayu. Pada zaman tersebut, sistem pendidikan berasaskan agama Islam serta terdapat tiga tahap pengajaran yang berlaku pada masa tersebut iaitu belajar di rumah guru, di surau-surau atau madrasah yang mampu menampung jumlah pelajar dan akhir sekali pendidikan agama yang berpusat di rumah Tok Guru tersebut.³⁶ Seterusnya, semasa pemerintahan pihak British pula, dapatkan kajian yang diperoleh oleh Robiatur Rohmah dan Jamaluddin menyamai kajian-kajian lepas oleh penyelidik dalam negara seperti Khairi Ariffin et. al., Kassim Thukiman et. al. serta Sufean Hussin iaitu meliputi lima jenis sekolah yang diwujudkan

³⁴ Ibid. 35- 37.

³⁵ Robiatur Rohmah & Jamaluddin. (2013). Policy Pengembangan Pendidikan Tinggi Islam: Kajian Sistem Pendidikan Negara Malaysia, *Jurnal Lisan Al-Hal* (Volume 5, No.2), 319.

³⁶Ibid. 322.





seperti sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular India, sekolah vernakular Inggeris dan sekolah Agama.³⁷

Penulisan tersebut juga menyentuh secara umum mengenai keadaan pendidikan orang Melayu selepas perang dunia kedua apabila orang Melayu mula sedar akan kepentingan pendidikan dalam kehidupan harian sehingga mereka mendesak pihak British pada ketika itu untuk membaiki tahap pendidikan orang-orang Melayu³⁸ kerana merasakan tergugat dengan kehadiran kaum Cina yang maju dengan sendirinya melalui sistem pendidikan mereka yang dibawa masuk dari Tanah Besar China. Oleh itu, wujud beberapa jawatankuasa dalam memperbaiki corak pendidikan masyarakat tempatan pada masa itu yang diketuai oleh L.J. Barnes. Maka dari situ lah bermulanya pemerkasaan pendidikan orang-orang Melayu sehingga tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957.³⁹ Jika dilihat dengan lebih teliti, keseluruhan penulisan Robiatur Rohmah et. al. banyak memberikan tumpuan pada pendidikan berteraskan agama Islam sebelum serta selepas merdeka, berbanding kajian penyelidik yang hanya menumpukan perkembangan sekolah vernakular Melayu selepas Perang Dunia Kedua bermula tahun 1946 sehingga 1957 iaitu tahun bermulanya Tanah Melayu mengecapi kemerdekaan.

Bagi Tan Yao Sua pula menerusi kajian beliau yang berjudul *Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki*, berpendapat bahawa jurang tahap pendidikan antara orang Melayu dan Cina amat besar kerana sikap pemerintah British yang melaksanakan dasar pendidikan *Laissez faire* bagi golongan Cina dalam mengembangkan tahap pendidikan mereka, namun, sebaliknya bagi orang

³⁷ Ibid. 323.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid. 322.





Melayu. Pihak British telah melaksanakan dasar pendidikan dualistik, hanya sebilangan orang Melayu yang terdiri dari golongan atasan sahaja dapat menikmati manfaat seperti berpeluang melanjutkan pelajaran di pendidikan Inggeris elit. Bagi golongan Melayu yang menetap di luar bandar pula, kerajaan British pada masa tersebut sengaja menggalakkan mereka untuk memasuki sekolah Melayu yang terhad nilai instrumental. Menurut pengkaji, kedua-dua dasar yang diperkenalkan ini dilaksanakan dalam kerangka sistem pendidikan berasingan bagi mendukung tujuan “pecah dan perintah” kerajaan British.⁴⁰ Kajian ini hanya menerangkan peranan tokoh Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki sahaja dan menyentuh secara umum mengenai pendidikan sekolah Melayu serta Cina.

Corak demografi di Tanah Melayu membawa kepada perubahan perkembangan

pendidikan semasa zaman penjajahan serta dipengaruhi oleh kepelbagaiannya etnik yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Sebelum pendidikan sekular diperkenalkan, corak pendidikan orang Melayu hanya berteraskan keagamaan dan hanya memberi tumpuan pada pengajaran al-Quran. Setelah kemasukan pihak British ke Tanah Melayu, pihak British telah memperkenalkan pendidikan sekular kepada penduduk tempatan, secara tidak langsung membawa kepada pelbagai peristiwa penentangan dalam kalangan orang Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui kajian Haris Md. Jadi,⁴¹ yang mengatakan bahawa pendidikan sekular yang mahu diperkenalkan oleh pihak British mendapat tentangan yang hebat dalam kalangan orang Melayu terutamanya di Pulau Pinang dan

⁴⁰ Tan Yao Sua. (2009). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki, Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu* 1. hlm. 145.

⁴¹ Lihat Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 11.



Province Wellesly kerana mereka menganggap corak pendidikan sekular yang diperkenalkan bertentangan dengan agama Islam.

Menurut Haris Md. Jadi⁴² juga setelah rundingan dibuat oleh pihak British bersama-sama dengan orang Melayu, akhirnya orang Melayu telah bersetuju membenarkan anak-anak mereka menghadiri ke sekolah setelah pihak British berjanji bahawa al-Quran akan diajar dalam kawasan sekolah. Kenyataan tersebut dapat kita lihat bahawa orang Melayu pada masa itu amat menitik beratkan agama Islam dan menyanjung tinggi nilai-nilai keislaman yang telah menjadi tunjang utama dalam kehidupan seharian mereka. Kita dapat lihat akan pendidikan yang diperkenalkan oleh British di sekolah Melayu hanya menekankan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira, dengan membekalkan pendidikan asas tersebut, pihak British berharap dapat melindungi orang Melayu dalam mengelakkan ditipu oleh peniaga Cina serta pemberi hutang oleh orang India.⁴³

Pendidikan asas yang diperkenalkan oleh British yang menekankan konsep 3M tersebut tidak membawa apa-apa perubahan terhadap orang Melayu termasuklah dalam meningkatkan mobiliti sosial mereka, sebaliknya ianya berfungsi untuk mengikat orang Melayu meneruskan aktiviti tradisional yang diwarisi oleh nenek moyang mereka seperti bertani dan bertukang. Corak pendidikan pihak British tersebut juga membukukan kehidupan orang Melayu dengan cara mengekalkan mereka melalui aktiviti tradisional tersebut, secara tidak langsung mereka tidak dapat melakukan aktiviti-aktiviti moden yang luar dari lingkungan kampung.⁴⁴

⁴² Ibid.

⁴³ Ibid. 12.

⁴⁴ Ibid.



Penulisan pengkaji juga telah menerangkan mengenai pendidikan bagi kaum pendarat seperti Cina, corak pendidikan masyarakat tersebut diabai dan tidak terdapat campur tangan dari pihak British kerana dasar *laissez faire* yang dilaksanakan ke atas kaum pendarat. Kesesuaian dasar tersebut dalam kalangan orang Cina menjadikan mereka mengusahakan sendiri penubuhan sekolah-sekolah Cina tidak kira secara perseorangan mahupun usaha kerjasama sesama mereka. Namun, kaedah pembelajaran mereka sama seperti sekolah Melayu dengan cara kaedah pembelajaran lama, sehingga tamat Perang Dunia Kedua. Sekolah Cina di Tanah Melayu pada masa tersebut, masih mengekalkan kebebasan autonomi dengan suasana dan ciri-ciri yang seakan-akan di negara asal mereka. Sekolah-sekolah tersebut umpama negeri China yang kecil kerana guru-guru, buku-buku teks, kandungan kurikulum serta bahasa pengantarannya mereka mencorakkan kecinaan dan dibawa masuk dari China⁴⁵ menyebabkan pendidikan mereka jauh lebih maju berbanding orang Melayu sehingga menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang Melayu mengenai kepentingan pendidikan di tanah air sendiri.⁴⁶

Tambahan beliau, kemunduran dari segi ekonomi, politik dan sosial oleh orang Melayu disebabkan oleh masyarakat Melayu berada dalam dunia yang terasing jauh dari kehidupan bandar telah menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang tidak mempunyai sebarang peranan penting berbanding golongan pendarat iaitu Cina dan India yang merupakan kaum paling dominan ketika itu, secara tidak langung menggugat kedudukan orang Melayu. Pihak British merasakan orang Melayu tidak

⁴⁵ Ibid. 15.

⁴⁶ Ibid. 17.





perlu diserap masuk dalam perusahaan, perlombongan dan perladangan, pihak penjajah mendakwa bahawa orang Melayu masih belum bersedia untuk bekerja sebagai buruh dalam sesuatu sistem baharu di negara mereka.⁴⁷

Alasan tersebut menjadi pelengkap kepada dasar utama British iaitu dasar pecah dan perintah, oleh itu menggalakkan pihak British memperkenalkan sistem pendidikan vernakular. Corak pendidikan tersebut bukanlah meningkatkan mobiliti sosial masyarakat Melayu, tetapi hanya memenuhi tanggungjawab sosial pada tahap minimum.⁴⁸ Pendidikan asas yang diberikan oleh pihak British terhadap orang Melayu menjadikan munculnya golongan guru-guru yang mahu memartabatkan corak pendidikan sekolah Melayu. Hal ini dapat kita lihat melalui kajian Hasnah Husiin, iaitu kemunculan golongan cerdik pandai dalam kalangan Melelayu mempengaruhi pendidikan sekolah Melayu.⁴⁹



Menurut Hasnah Husiin, kemunculan guru-guru Melayu dalam isu dan permasalahan orang Melayu memberikan kesan yang besar terhadap perkembangan pemikiran serta kemajuan orang Melayu. Pada awal abad ke-19, guru-guru Melayu telah dianggap sebagai golongan cerdik pandai serta telah dijadikan contoh dan ikutan oleh masyarakat sekelilingnya, oleh itu, tidak hairanlah ramai guru-guru sentiasa diminta dalam memberikan pandangan dan nasihat mereka oleh masyarakat setempat.⁵⁰

⁴⁷ Ibid. 29.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Hasnah Husiin. (2009). *Guru-guru Melayu: Peranan dan Perjuangan pada Zaman Perjajahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 10.

⁵⁰ Ibid. 35.





Kesedaran guru-guru Melayu dalam memimpin orang Melayu kearah kemajuan disebabkan oleh corak penjajahan pihak British yang telah dilaksanakan terhadap orang Melayu menjadikan orang Melayu pada ketika itu ketinggalan dari segi pelbagai bidang terutamanya dari bidang pendidikan berbanding kaum-kaum pendatang yang lain seperti Cina. Pengenalan ekonomi colonial menjadikan orang Melayu mundur dan bertambah miskin, atas kesedaran guru-guru Melayu, mereka telah bangkit untuk memimpin bangsa Melayu ke arah yang lebih maju melalui saluran pendidikan.⁵¹

Menurut beliau lagi, golongan pendidik seperti guru yang terdiri dari orang Melayu amat mengambil kira akan masalah pendidikan orang Melayu, dalam usaha menarik minat masyarakat Melayu pada ketika itu yang kurang didedahkan tentang kepentingan pendidikan, langkah yang diambil adalah memberikan pendedahan tentang kedudukan serta tujuan sekolah Melayu yang didirikan oleh golongan pemerintah.⁵² Jika dilihat pada tujuan pendidikan sekular British terhadap orang Melayu adalah bertujuan mengekalkan status *quo* iaitu memastikan golongan Melayu meneruskan pekerjaan tradisional yang telah diwarisi oleh nenek moyang mereka dan hanya tinggal di kampung, selain itu, untuk menstabilkan politik dengan cara memberikan pendidikan asas dan menghapuskan golongan buta huruf pada tahap minimum.⁵³

Bagi Memajukan pendidikan orang Melayu, corak pendidikan yang telah diperkenalkan oleh pihak kolonial yang sebelum ini berbentuk sekular perlu diubah, oleh itu, guru-guru Melayu mengusulkan agar pendidikan Melayu berteraskan ilmu

⁵¹ Ibid. 36.

⁵² Ibid. 48.

⁵³ Ibid. 61-63.



akhirat serta ilmu dunia. A.M. Skimmer pada ketika itu memegang jawatan Timbalan Majistret Province Wellesly telah mengemukakan rancangan persekolahan dua sesi iaitu sesi pagi yang merangkumi subjek Bahasa Melayu dalam tulisan jawi, Matematik, Sejarah, Ilmu Alam dan beberapa lagi subjek vokasional lain seperti bertukang dan pertanian, pada sesi petang pula, murid-murid akan mengikuti pelajaran Bahasa Arab dan al-Quran.⁵⁴

Merujuk pada hasil penulisan Hasnah Husiin di atas, dapat dilihat bahawa pengkaji menumpukan sepenuhnya terhadap isu-isu serta peranan golongan guru-guru Melayu semasa zaman penjajahan serta sejarah penubuhan maktab perguruan dalam mengembangkan pendidikan orang Melayu sehingga melahirkan golongan cendikiawan dalam memartabatkan bangsa Melayu seperti Muhamad Zain Haji Ayub,



Pendidikan vernakular di peringkat sekolah rendah pada asalnya disediakan secara percuma kepada kana-kanak Melayu, tetapi hanya setakat darjah IV, sekolah Melayu tidak disediakan kurikulum asas yang kukuh bagi membolehkan anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti di *Raffles College*, kerana sekolah-sekolah Melayu tidak menyediakan pendidikan bahasa Inggeris yang dianggap penting pada ketika itu dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Kurikulum sekolah vernakular Melayu yang diperkenalkan oleh British amat terhad, hal ini dapat kita lihat melalui kajian J.S. Solomon,⁵⁶ bahawa corak pendidikan yang

⁵⁴ Ibid. 12.

⁵⁵ Ibid. 295-297.

⁵⁶ J.S. Solomon. (1989). *Perkembangan Pendidikan Dwibahasa untuk Perpaduan Nasional di Malaysia*. Selangor: IBS BUKU Sdn. Bhd. 13.

diperkenalkan oleh penjajah pada peringkat awal hanya menekankan pendidikan asas, hasil kajian beliau mempunyai persamaan dengan kajian-kajian yang lain iaitu Khairi Ariffin et. al., Haris Md. Jadi dan Hasnah Husiin.

Melalui penulisan J.S. Solomon, bagi meningkatkan mutu pendidikan sekolah Melayu, penggunaan tulisan rumi dalam bahasa Melayu telah diperkenalkan bagi menggantikan tulisan jawi. Kandungan kurikulum sedikit sebanyak diubah setelah satu laporan Winstedt dikemukakan dalam mengubah kurikulum serta menyusun semula rancangan latihan perguruan bagi melahirkan guru mahir.⁵⁷ Pada sebelum Perang Dunia Kedua, kurikulum sekolah Melayu kelihatan tidak teratur kerana ilmu kira-kira diajar dalam darjah I dan IV, tetapi tidak diajar dalam darjah II dan III. Laporan Winstedt yang dikemukakan hanya mengubah sedikit sahaja kurikulum sekolah Melayu iaitu memasukkan mata pelajaran Kesihatan, Senaman, Anyaman serta Perkebunan menjadikan sistem sekolah Melayu mirip kearah kekampungan.⁵⁸

Tambahan pula, Selepas Perang Dunia Kedua tamat, pihak British kembali semula ke Tanah Melayu dengan membawa pembaharuan supaya Malaya dapat ditadbir dalam kalangan masyarakat tempatan dan seterusnya mencapai kemerdekaan penuh. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi menyusun kembali corak pendidikan yang sedia ada. Usaha yang pertama dilakukan adalah memulakan konsep pendidikan dwibahasa di Malaya seperti yang terkandung dalam Program Cheeseman 1945-1949.⁵⁹

⁵⁷ Ibid. 15.

⁵⁸ Ibid. 17-18.

⁵⁹ Ibid. 36.



Menurut kajian J.S. Solomon lagi, program tersebut melibatkan penubuhan empat jenis sekolah di peringkat rendah dan dua jenis di peringkat menengah. Sekolah rendah tersebut terdiri daripada sekolah-sekolah Inggeris, Melayu, Cina, dan Tamil, penggunaan bahasa ibunda setiap kaum digunakan sebagai bahasa pengantar pada setiap sekolah. Bagi sekolah menengah pula, dua jenis sekolah tersebut adalah sekolah menengah yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris tetapi bahasa ibunda bagi setiap kaum akan diajar dalam subjek yang ditawarkan, dan sekolah menengah yang menjadikan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar tetapi bahasa Inggeris dijadikan bahasa kedua di sekolah tersebut.⁶⁰

Rancangan penyusunan semula pendidikan yang telah dicadangkan ini bertujuan untuk membina corak pendidikan yang dapat memastikan setiap kaum mendapat kemajuan yang sama rata sepenuhnya. Rancangan ini tidak dapat dilaksanakan akibat penumpuan sepenuhnya pihak British dalam membaik pulih negara selepas Perang Dunia Kedua, serta pemansuhan Malayan Union yang digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu menjadikan rancangan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana mendapat banyak tentangan oleh orang Melayu.⁶¹ Jika melihat pada kajian yang telah dikaji oleh J.S. Solomon ini, pengkaji menumpukan pendidikan golongan Melayu secara terperinci sama seperti kajian Khairi Ariffin et. al. yang menerangkan dengan lebih mendalam mengenai kurikulum yang terdapat di sekolah Melayu sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua, dan kajian tersebut menepati kehendak kajian yang dijalankan iaitu Kurikulum Pendidikan Sekolah Melayu, 1946-

⁶⁰ Ibid. 37.

⁶¹ Ibid.



1957, kerana kedua-dua pengkaji tersebut telah menerangkan dengan lebih mendalam kurikulum yang terdapat di sekolah Melayu, tidak kira sebelum serta selepas Perang Kedua seperti kajian yang pengkaji jalankan.

Jika melihat pada kajian Awang Had Salleh, pendidikan Melayu sebelum kedatangan Barat, pada umumnya berteraskan agama, penyataan ini seiring dengan kajian Sufean Hussin serta Haris Md. Jadi Sekolah-sekolah Melayu yang ditubuhkan pada awalnya sehingga pada tahap VI, telah dimansuhkan menjadi tahap IV sahaja.⁶² Keputusan tersebut dibuat menepati corak kurikulum yang diperkenalkan oleh pihak British iaitu menghapuskan golongan buta huruf pada tahap minimum sahaja.⁶³ Hal ini disebabkan pihak British sebolehnya tidak mahu mengganggu atau mencampuri cara hidup orang Melayu kerana mereka dikhuruskan untuk bekerja di dalam aktiviti kekampungan iaitu aktiviti tradisional yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka seperti petani dan nelayan.⁶⁴

Huraian yang telah diterangkan di atas jelaslah bahawa terdapat empat sebab atau tujuan pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh British merangkumi pendidikan asas semata-mata yang merangkumi konsep 3M iaitu membaca, menulis serta mengira, antara sebabnya adalah untuk mengekalkan kestabilan politik iaitu dengan cara menghadkan kurikulum pendidikan sekolah Melayu kerana pihak British tidak mahu kes yang berlaku di India berlaku di Tanah Melayu iaitu kemunculan golongan cerdik pandai yang mahu menentang golongan pemerintah. Selain itu,

⁶² Awang Had Salleh. (1974). *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 10.

⁶³ Ibid. 11.

⁶⁴ Ibid. 12.



mengekalkan status quo dengan cara membiarkan atau mengekalkan golongan Melayu dengan aktiviti tradisional seperti bertani dan bertukang tanpa perlu meninggalkan kampung halaman mereka, seterusnya pihak British mahu menghasilkan golongan Melayu mnemegang jawatan pada peringkat yang rendah seperti pekerja am, pelayan, dan budak pejabat. Dan yang terakhir adalah menjadikan rakyat celik huruf supaya tidak ditipu oleh kaum pendatang yang lain seperti peniaga Cina serta pemberi hutang oleh orang India.⁶⁵

Kurikulum yang terlaksana masih lagi mengekalkan menulis, mengira serta membaca, tetapi pada tahap III telah ditambah mata pelajaran ilmu alam serta pada tahap IV pula penambahan mata pelajaran ilmu bumi, angka dan congak. Pelajaran yang dahulunya berteraskan 3M semata-mata telah diperluaskan dengan penerapan lain

seperti kesihatan, senaman, anyaman serta perkubunan dalam meningkatkan kreativiti orang Melayu.⁶⁶ Penulisan Awang Had Salleh ini banyak menyumbang kepada kajian penyelidik kerana memenuhi kriteria yang dikehendaki kerana tidak menyentuh secara umum semata-mata seperti pelaksanaan kurikulum yang diterangkan lebih terperinci terutamanya penerangan mata pelajaran yang diterapkan di sekolah Melayu tidak kira pada sebelum atau selepas Perang Dunia Kedua.

Pendidikan sekular sebenarnya mendapat tentangan dalam kalangan orang Melayu kecuali pihak British menerapkan pendidikan berteraskan keagamaan di sekolah, selain itu juga, kanak-kanak perempuan tidak digalakkan ke sekolah kerana pemikiran Melayu pada masa tersebut masih lagi ditakuk lama, mereka beranggapan

⁶⁵ Ibid. 13.

⁶⁶ Ibid. 17-18.



perempuan sepatutnya berada dirumah dan melakukan kerja-kerja didapur. Hal ini dapat dilihat melalui penulisan A. Kadir Jasin, menurut beliau semasa pengaruh Hindu masih kuat di Tanah Melayu, kaum wanita seharusnya menumpukan pekerjaan di dapur. Kedudukan golongan wanita pada ketika itu dapat kita lihat bahawa masyarakat Melayu terutamanya yang masih lagi berpegang teguh pada adat-adat lama tidak menggalakkan mereka menghadiri mana-mana sekolah, tetapi setelah muncul golongan celik pandai yang terdiri daripada golongan guru secara tidak lansung secara cadangan, pandangan serta nasihat mereka diambil kira oleh orang Melayu bahawa perlunya pendidikan diterapkan oleh semua lapisan masyarakat.⁶⁷

Tambahan beliau lagi, selepas Perang Dunia Kedua, penambahan bilangan murid ke sekolah-sekolah meningkat akibat kesedaran mereka bahawa pentingnya pendidikan bagi mengelakkan orang Melayu terus mundur serta dapat menyaingi kaum-kaum yang lain seperti Cina. Hal ini menyebabkan kemunculan sekolah-sekolah Melayu Lelaki serta Perempuan. Bagi kanak-kanak perempuan, golongan ibu bapa yang mempunya kesedaran atas pendidikan telah mengambil keputusan untuk memasukkan mereka ke sekolah Inggeris berbanding di sekolah Melayu Perempuan kerana pendidikan Inggeris pada masa tersebut mempunyai permintaan yang tinggi jika mahu diserap masuk dalam sektor kerajaan.⁶⁸

Menurut beliau, terdapat juga penubuhan sekolah-sekolah kecil selepas perang yang dikenali sebagai Sekolah Menyesal atau “*School for Those Who Regret*”. Akibat kekangan akibat mentaliti orang Melayu tidak menggalakkan serta menyarankan

⁶⁷ A. Kadir Jasin. (1995). *The Early Years (1947-1972)*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. 1.

⁶⁸ Ibid. 8.

golongan wanita hadir ke sekolah, sekolah tersebut telah dibuka di bawah Persatuan Wanita Malaya. Sekolah tersebut bertujuan memberi pendedahan pendidikan kepada golongan wanita yang ketinggalan dari segi pelajaran.⁶⁹ Penyataan yang telah dinyatakan melalui penulisan A. Kadir Jasin ini hanya menyentuh sedikit sahaja mengenai pendidikan orang Melayu tetapi hanya menerangkan pendidikan bagi golongan wanita sahaja dan dalam penulisan ini juga menerangkan dengan lebih mendalam mengenai budaya-budaya bangsa Melayu yang tidak mempunyai kaitan dengan kajian penyelidik.

Melihat pada penulisan David J. Radcliffe⁷⁰ iaitu *Education and Change Among the Malays 1900-1940*, beliau berpendapat bahawa pendidikan yang terdapat di Tanah Melayu pada era colonial terbahagi kepada empat sistem yang dilaksanakan sebelum Perang Dunia Kedua. Yang pertama adalah, pendidikan yang ditubuhkan hanya untuk penduduk tempatan dan bahasa pengantar adalah bahasa Melayu. Selain itu, sistem yang kedua pula adalah sekolah Inggeris yang majoritinya ditubuhkan oleh mualigh Kristian dan menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris. Sekolah Inggeris ini kebiasaannya diberikan bantuan pendidikan oleh pihak kerajaan bagi kepentingan politik mereka iaitu mereka yang tamat belajar di sekolah Inggeris ini akan berkhidmat kepada kerajaan. Sistem yang ketiga pula adalah penubuhan sekolah Cina yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Sekolah Cina ini ditubuhkan oleh komuniti kaum Cina itu sendiri dan sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh sekolah tersebut diadapasi oleh pendidikan di China

⁶⁹ Ibid. 10

⁷⁰ David J. Radcliffe. (1970). *Education and Cultural Change Among the Malays 1900-1940*. Tesis Doktor Falsafah, University of Wisconsin.



itu sendiri bagi membolehkan anak-anak mereka dapat memasuki mana-mana institusi bagi melanjutkan pelajaran di China. Sistem yang terakhir adalah sekolah Tamil yang ditubuhkan bagi setiap ladang-ladang atau estet-estet bagi buruh India. Penubuhan sekolah Tamil ini juga dibawah pengawasaan kod buruh yang telah ditetapkan.⁷¹

Kajian beliau secara keseluruhannya menyentuh kepada pendidikan yang terdapat di F.M.S semasa zaman colonial sahaja. Skop kajian beliau tertumpu pada kawasan Ulu Langat, walaupun skop beliau menumpukan sesebuah kawasan yang tertentu sahaja, kajian beliau amat membantu kajian ini seperti yang akan diterangkan dalam bab dua iaitu latar belakang sekolah-sekolah yang terdapat di Tanah Melayu, misalnya, melalui penulisan beliau, beliau turut menyentuh kewujudan sekolah-sekolah vernakular tidak kira samada sekolah vernakular Melayu, Inggeris, Cina dan juga



Melalui penulisan D.D Chelliah⁷² yang bertajuk *A History Of The Educational Policy of The Straits Settlements With Recommendations For A New System Based On Vernaculars*, terdapat tiga jenis sekolah yang ditubuhkan oleh pihak British di Tanah Melayu iaitu :

- 1) *Free Schools* yang berada di bawah naungan dan tajaan oleh pihak kerajaan British.
- 2) Sekolah Inggeris dan Sekolah Vernakular yang ditubuhkan dan ditaja oleh pihak kerajaan British; dan

⁷¹ Ibid. 30-32.

⁷² D.D Chelliah. (1947). *A History of The Educational Policy Of The Straits Settlements With Recommendations for a New System Based on Vernacular*. Kuala Lumpur: The Government Press, 36.



- 3) Sekolah Inggeris dan Sekolah Vernakular yang ditubuhkan oleh pihak mubaligh dan individu perseorangan atau organisasi.

Penulisan D.D Chelliah ini telah menerangkan secara menyeluruh mengenai tiga jenis sekolah yang ditubuhkan oleh pihak kolonial British seperti yang telah dinyatakan.

Selain itu juga, beliau turut menyentuh mengenai usaha penubuhan sekolah rendah serta menengah bagi sekolah Inggeris dan Vernakular oleh pihak kerajaan British dengan badan mubaligh. Setiap sekolah yang ditubuhkan mempunyai kurikulum yang tersendiri misalnya perkembangan kurikulum dapat dilihat di *The Free School Malacca* pada tahun 1848 iaitu kelas yang teratas akan mempelajari tatabahasa bahasa Inggeris, senaman, menulis, membaca dan kira-kira, bagi kelas kedua akan mempelajari sama seperti kelas teratas tersebut, manakala kelas ketiga dan keempat akan mempelajari benda yang asas sahaja seperti mengeja, membaca, menulis dan mengira. Kelas kelima akan mempelajari cara untuk mengeja, membaca dan menulis manakala bagi kelas keenam dan ketujuh hanya diajarkan mengenai ejaan dan menulis. Bagi kelas yang terakhir adalah kelas kelapan hanya diberi peluang untuk mengenal huruf sahaja.⁷³

Beliau turut menyentuh sedikit mengenai latihan yang diberikan oleh guru serta penubuhan sekolah vokasional, *King Edward VVI College of Medicine* dan *Raffles College* serta cadangan penubuhan Universiti Malaya. Secara keseluruhan, walaupun penulisan beliau tidak melibatkan kemahiran berfikir, tetapi penulisan D.D Chelliah ini

⁷³ Ibid. 50-51.



banyak membantu dalam kajian terutamanya penerangan mengenai penubuhan jenis-jenis sekolah vernakular yang akan dijadikan rujukan dalam bab dua.

Penulisan D.D Chelliah mempunyai persamaan dengan penulisan Philip Loh Fook Seng yang mengkaji penubuhan sekolah-sekolah vernakular dan sekolah Inggeris, tetapi penulisan Philip Loh Fook Seng lebih terperinci. Penulisan Philip Loh Fook Seng⁷⁴ lebih menumpukan tentang polisi pendidikan yang terbahagi kepada dua skop masa iaitu pada bahagian I, skop yang dikaji bermula tahun 1874 sehingga 1920, manakala bahagian II pula tahun 1920 sehingga 1940 dan beliau hanya menumpukan polisi pendidikan sebelum Perang Dunia Kedua. Bahagian I dalam penulisan beliau telah menerangkan tentang masyarakat Melayu tradisional dan pendidikan agama orang Melayu sebelum kedatangan pihak British serta penubuhan sekolah Melayu dan



Perkembangan pentadbiran dan penubuhan *Malay College Kuala Kangsar* (MCKK) turut diterangkan dengan lebih terperinci berbanding penulisan pengkaji yang lain iaitu D.D. Chelliah. Selain penerangan mengenai penubuhan *Malay College Kuala Kangsar*, terdapat juga maklumat mengenai penubuhan *Sultan Idris Training College* (S.I.T.C) serta sumbangan Winstedt dalam pendidikan orang Melayu. Pendidikan kaum yang lain seperti India dan Cina telah diterangkan dalam penulisan Philip Loh Fook Seng ini, serta bagi pendidikan Inggeris pula beliau turut menjelaskan mengenai asas pendidikan Inggeris yang terdapat di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Bersekutu

⁷⁴ Philip Loh Fook Seng. (1975). *Seeds of Separatism Educational Policy in Malaya 1874-1940*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.



dan tuntutan orang Melayu mengenai pendidikan Inggeris bagi membolehkan masyarakat Melayu lebih ke hadapan berbanding kaum yang lain.

Pada bahagian II pula, Philip telah menerangkan tentang pendidikan orang Melayu yang bermula pada tahun 1920 sehingga 1940 yang memberi keutamaan kepada orang Melayu, kaitan dan sumbangan *Malay College Kuala Kangsar* terhadap orang Melayu, keinginan masyarakat Melayu terhadap pendidikan sekolah Inggeris, peluang pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan bagi masyarakat Melayu serta perkaitan dengan S.I.T.C dengan pendidikan sekolah Melayu. Selain itu juga, Philip turut mengulas tentang masalah polisi yang dihadapi oleh pendidikan vernakular bagi masyarakat Cina dan India.



05-4506832



Satu penulisan yang banyak membantu dalam kajian ini ialah penulisan oleh

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi

Paul Chang Ming Phang⁷⁵. Penulisan Paul terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama meliputi jangka masa awal perkembangan pendidikan Malaya yang bermula tahun 1786 sehingga 1942. Bahagian kedua pula adalah tempoh masa sebelum merdeka iaitu tahun 1945 sehingga 1957, dan bahagian ketiga pula tempoh masa selepas merdeka iaitu tahun 1957 hingga 1967. Pada bahagian pertama iaitu permulaan polisi pendidikan yang dilaksanakan oleh pihak British di Tanah Melayu, Paul menerangkan dengan lebih mendalam tentang perkembangan pendidikan sekolah Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris serta faktor pemangkin perkembangan pendidikan pada zaman kolonial British. Turut dijelaskan mengenai latihan yang diberikan kepada guru-guru dalam penulisannya.

⁷⁵ Paul Chang Ming Phang. (1973). *Educational Development in a Plural Society a Malaysian Case Study*. Singapore: Academia Publications.



Beliau turut mejelaskan tentang Pelan Cheeseman, Laporan Barnes terhadap pendidikan Melayu dan Laporan Fenn-Wu terhadap pendidikan Cina. Pada bahagian II, Paul menumpukan skop masa sebelum merdeka iaitu bermula tahun 1945 hingga 1957. Penulisan Paul sangat penting dalam kajian ini kerana bersesuaian dengan skop masa kajian ini bermula pada awal kemasukan pihak kolonial British di Tanah Melayu sehingga merdeka.

Melihat kepada semua kajian lepas yang telah dinyatakan, kajian ini lebih menumpukan kurikulum serta polisi pendidikan di Sekolah Melayu. turut diguna sebagai rujukan kajian. Annual Report on Education in the Straits Settlement and the Federated Malay States for the year 1938 by W. Linehan banyak membantu dalam kajian ini dari segi pendidikan rendah anak-anak lelaki dan perempuan. Selain itu, terdapat juga maklumat mengenai sekolah vernakular Melayu, vernakular Cina, Vernakular Tamil dan sekolah Inggeris dalam laporan tersebut. Penerangan sekolah vernakular Melayu, Cina, India dan Inggeris meliputi sejarah penubuhan, syarat kemasukan murid, bahasa pengantar di sekolah, dan perkembangan bilangan kemasukan murid. Latihan guru-guru turut dijelaskan dalam laporan pendidikan ini. Kajian ini hanya meliputi pendidikan sekolah Melayu sahaja, oleh itu pengkaji hanya menerangkan secara umum mengenai pendidikan sekolah vernakular Cina, Tamil dan Inggeris.⁷⁶

⁷⁶ W. Linehan. (1938). *Annual Report on Education in the Straits Settlement and the Federated Malay States for the year 1938*. Singapore: The Government Printing Office by V. C. G. Gatrell.





Perkembangan pendidikan yang dijelaskan dalam kajian ini berkenaan dengan penubuhan sekolah pertama iaitu sekolah Inggeris di Pulau Pinang sehinggalah pengenalan sekolah vernakular Melayu. Sekolah Inggeris merupakan sekolah yang pertama ditubuhkan selepas kemasukan kolonial British di Tanah Melayu. Guru mubaligh dari Eropah yang telah menamatkan pelajaran di Universiti British akan menjadi tenaga pengajar sekolah Inggeris di Tanah Melayu. Guru Melayu pula menjadi tenaga pengajar di sekolah vernakular Melayu dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.

Terdapat dua jenis sekolah Melayu iaitu sekolah Melayu Lelaki dan sekolah Melayu Perempuan. Sekolah Melayu Perempuan ditubuhkan atas desakan golongan ibu bapa anak-anak Melayu yang enggan anak-anak mereka bercampur gaul antara jantina kerana faktor agama.⁷⁷ Selain itu, penerangan tentang polisi pendidikan turut dinyatakan seperti Polisi Pendidikan 1932, Barnes Report, Dasar Pendidikan Malayan Union, Penyata Fern-Wu, Ordinan Pelajaran, serta Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956. Secara keseluruhan, kajian ini banyak membantu dalam memberikan maklumat bagi kajian ini seperti maklumat berkaitan polisi pendidikan, sekolah, pentadbiran dan latihan perguruan secara terperinci berbanding kajian-kajian lepas yang telah dinyatakan.

⁷⁷ Ibid. hlm. 6-19.





1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Kurikulum

Konsep kurikulum boleh dilihat melalui pelbagai perspektif, jika dilihat definisi kurikulum yang dinyatakan oleh Jawatan Kuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) seperti berikut :

... segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan.



Jawatankuasa tersebut membahagikan kurikulum sekolah kepada dua

bahagian yang besar iaitu:

1. Bahagian yang meliputi sukanan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran, dan
2. Bahagian yang meliputi kegiatan pendidikan luar bilik darjah (kurikulum) seperti kegiatan-kegiatan sukan, persatuan, pasukan pakaian seragam dan lain-lain.





Sukatan pelajaran, kandungan mata pelajaran dan kegiatan pengajaran dan pemelajaran dianggap penting sebagai elemen yang perlu ada dalam sesebuah kurikulum.⁷⁸

Bagi pendapat tokoh luar negara, misalnya Nicholls S.H dan Nicholls A. (1981), mereka mentakrifkan kurikulum tersebut sebagai pembelajaran yang telah dirancang oleh guru-guru kepada murid-murid di sekolah. Selain itu, terdapat juga pendapat Elizabeth Maccia dari Universiti Ohio mengenai istilah kurikulum, iaitu suatu rekabentuk kelompok sosial bagi memberi pengalaman pendidikan kepada murid-murid di sekolah. Menurut David Warwick pula, beliau mendefinisikan kurikulum sebagai struktur terancang ideal-ideal sesebuah sekolah yang dengan keperluan psikologi murid-murid, kemudahan sedia ada serta keperluan budaya semasa. Kebanyakkan istilah yang telah ditakrifkan oleh para pengkaji di atas, memberikan maksud yang sama mengenai definisi kurikulum tersebut, hal ini juga dapat dilihat melalui pendapat Kerr J.K, yang mentakrifkan kurikulum sebagai semua pembelajaran yang dirancang dan dibimbing oleh sekolah, tidak kira dalam maupun luar sekolah.⁷⁹

Warwick menerangkan bahawa terdapat pembahagian tiga dimensi kurikulum iaitu kurikulum formal yang merujuk pada semua aktiviti yang nyata berlaku di sesbuah sekolah, kurikulum ideal yang membawa erti prinsip-

⁷⁸ Lihat Noriah Mohamed & Darwis Harahap. (2013). *Mutiara Budi*. Selangor Darul Ehsan: PTS AKADEMIA. 60.

⁷⁹ Ee Ah Meng. (1994). *Perkembangan dan Pelaksanaan Kurikulum*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-2.





prinsip yang terlibat dalam pembentukan sesuatu kurikulum bagi menjamin persepaduan kurikulum secara keseluruhan dan akhir sekali adalah kurikulum tersembunyi iaitu merupakan semua perkara yang dipelajari secara tidak langsung oleh murid-murid.⁸⁰

1.10.2 Pendidikan

Terdapat ramai ilmuan yang telah memberikan pandangan mengenai takrifan kepada istilah pendidikan, jika melihat pada takrifan yang telah dinyatakan oleh Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, beliau menyatakan bahawa pendidikan merupakan usaha untuk mengadabkan insan atau menjadikan seseorang insan menjadi lebih beradab menerusi pengertiannya yang sebenar.⁸¹

Jika melihat pada penulisan Robiah Sidin, beliau menyatakan bahawa pendidikan adalah satu istilah umum mengikut tujuan dan konteks penggunaannya serta kabur atau komplek. Erti kabur yang diberikan oleh beliau membawa maksud pengertian yang berbagai-bagai dan berbeza mengikut konteks atau keadaan ia digunakan, manakala komplek pula adalah tidak hanya menghasilkan satu proses yang tersendiri atau sesuatu kenyataan tertentu yang tepat. Pendidikan juga proses yang berkaitan dengan semua

⁸⁰ Ibid. 5-7.

⁸¹ Ahmad Mohamad Said. (1996). *Dualisme Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. 29.





bidang seperti psikologi, sosiologi, falsafah, politik, ekonomi, komunikasi dan lain-lain.⁸²

Pendidikan juga merupakan interaksi antara individu dengan individu yang lain, atau proses interaksi antara individu dengan kumpulan-kumpulan sosial tertentu. Tujuan interaksi tersebut adalah untuk perkembangan individu dan seterusnya membawa perkembangan masyarakat atau negara. Selain proses interaksi, pendidikan juga merupakan satu proses sosialisasi atau permasyarakatan dalam jargon atau istilah sosiologi, melalui proses tersebut, pendidikan yang diberikan secara terancang mahupun tidak, atau secara formal mahupun tidak formal dapat membentuk perkembangan individu dan kumpulan masyarakat.⁸³



Menurut pendapat pakar dari luar negara iaitu James Mill, beliau mengatakan bahawa pendidikan adalah satu proses memberi pertolongan sebaik mungkin kepada anggota masyarakat supaya mereka menjalani hidup yang penuh kegembiraan. Mengikut pendapat beliau lagi, pendidikan termasuklah sesuatu tindakan yang telah dibuat oleh anggota masyarakat agar dapat menghalang sebarang anasir jahat yang mungkin berlaku dalam kalangan masyarakat tersebut.⁸⁴

⁸² Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 3.

⁸³ Ibid.

⁸⁴ Abu Fatah Hassan. (2007). *Mengenal Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 75.





Selain pendapat yang dikemukakan oleh James Mill, terdapat seorang pakar yang telah menerbitkan buku *Education Training of Teacher* iaitu Professor Gurrey yang mengatakan bahawa pendidikan merupakan proses mengeluarkan manusia yang mempunyai kebudayaan dan pengetahuan yang luas, dalam erti kata lain, pendidikan adalah untuk menggali serta mengambil segala seni dan pengetahuan yang amat luas.⁸⁵ Kesimpulannya, terdapat banyak pendapat tokoh dalam mahupun luar negara mengenai pendidikan, tetapi jika diperhatikan dengan teliti, kesemua pendapat tersebut lebih membawa maksud yang sama.

1.11 Pembahagian Bab



Penulisan ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama merupakan bahagian pengenalan kepada tajuk yang dipilih oleh penyelidik iaitu *Kurikulum Pendidikan Sekolah Melayu, 1946-1957* dan juga merupakan pendedahan awal secara ringkas dan umum berkaitan tajuk penyelidik. Penelitian dalam membuat maklumat awal seperti tajuk kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, tujuan penyelidikan dan kaedah penulisan kajian diterangkan dalam bab ini. Ringkasan bab ini mengandungi bab pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam.

Dalam bab kedua, penyelidik akan menerangkan mengenai latar belakang serta sejarah pendidikan sekolah-sekolah Melayu. Hal yang dibincangkan adalah

⁸⁵ Ibid. 76.



pendidikan orang Melayu iaitu jenis-jenis pendidikan di sekolah Melayu seperti pendidikan secara formal atau tidak formal, tetapi fokus pada bab kedua ini adalah sejarah pendidikan formal orang Melayu di bawah pentadbiran British. Selain itu, penyelidik juga akan membincangkan pendidikan bagi kaum yang lain di Tanah Melayu seperti sekolah Cina, India dan juga Inggeris.

Dalam bab ketiga, antara butiran dan inti pati yang cuba dikupas oleh penyelidik adalah mengenai perkembangan kurikulum pendidikan sekolah Melayu yang diperkenalkan oleh British selepas Perang Dunia Kedua sebagai usaha mewujudkan satu pentadbiran bawah jajahan British di Tanah Melayu dengan menggabungkan kawasan negeri-negeri Melayu Bersekutu, negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu termasuk Melaka dan Pulau Pinang selepas kejatuhan Jepun. Ia sangat penting sebagai gambaran awal kesinambungan kajian serta maklumat asas yang memberikan idea kepada penyelidik untuk meneruskan kajian mengenai perkembangan sekolah-sekolah Melayu. Selain itu, dalam bab ketiga ini juga menyentuh tentang usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak British dalam menerapkan kurikulum atau sukan pelajaran di setiap sekolah Melayu.

Dalam bab keempat pula, penyelidik akan membincangkan tentang perancangan dan pelaksanaan polisi dan penyata pelajaran. Dalam bab ini juga penyelidik melihat polisi dan rancangan pendidikan yang diusulkan oleh British di sekolah Melayu. Rancangan pendidikan banyak disentuh selepas Perang Dunia Kedua. Penyata pelajaran yang akan digunakan dalam bab ini merupakan *Educational Policy Malayan Union, Barnes Report, Fern-Wu Report*, Ordinan Pelajaran 1952 dan Penyata Razak.



Dalam bab yang kelima, penyelidik memfokuskan kepada kesan serta kepentingan yang dihadapi oleh orang Melayu dari segi kesedaran, perkembangan pusat perguruan, pertambahan murid serta kemasukan guru dari luar selepas Perang Dunia Kedua serta penyelidik membincangkan kepentingan kurikulum pendidikan di sekolah Melayu pada era tersebut sehingga Tanah Melayu mengecapi kemerdekaan pada 1957.

Bab enam merupakan bab yang terakhir yang akan ditulis oleh penyelidik. Bab enam secara ringkasnya merupakan bab yang akan menyimpulkan keseluruhan isi yang dibincangkan oleh penyelidik di dalam bab dua, bab tiga, bab empat dan bab lima. Di samping itu, dalam bab enam ini juga penyelidik akan menyatakan sama ada penyelidik berjaya mencapai tujuan dan objektif kajian berkaitan dengan tajuk yang dipilih iaitu Kurikulum Pendidikan Sekolah Melayu 1946- 1957 seperti yang dinyatakan dalam kertas cadangan kajian.





1.12 Kesimpulan

Kemasukan kuasa Barat seperti pihak British ke Tanah Melayu memberi pelbagai kesan tidak kira dari segi sosial, ekonomi, mahupun pentadbiran serta tidak lupa juga dari aspek pendidikan orang Melayu. Oleh itu, secara keseluruhannya, kajian ini akan membincangkan kurikulum pendidikan sekolah Melayu pada era selepas berlakunya Perang Dunia Kedua, tambahan lagi, pengkaji juga akan menerangkan serba sedikit mengenai pendidikan bagi kaum yang lain seperti sekolah Cina, India serta Inggeris. Pertumbuhan sekolah-sekolah di Tanah Melayu memberi kesan terhadap mobiliti sosial penduduk setempat, secara tidak langsung melahirkan ramai pendidik dalam kalangan masyarakat Melayu, lantas berperanan penting dalam menyedarkan masyarakat Melayu

ketika itu bahawa pentingnya pendidikan bagi memastikan orang Melayu tidak ketinggalan dari kaum yang lain seperti Cina.

